



KENYATAAN MEDIA

UKK/600-01/05 (67)

PAMERAN HANYA SATU “*SINGLE*” PROJECT TEMPORARY MARKING OLEH ZULKEFLI JAIS

Balai Seni Negara dengan sukacitanya memaklumkan **Pameran Hanya Satu “Single” “Project Temporary Marking” Oleh Zulkefli Jais** yang dijadualkan berakhir pada 31 Mei 2024 kini **dilanjutkan sehingga 29 Julai 2024**. Pameran ini menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung sejak mula dipamerkan pada 1 Mac 2024 dengan menerima hampir **10,000 pelawat**. Balai Seni Negara mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengunjung yang menyokong pameran ini.

Untuk makluman, Pameran “*Project Temporary Marking*” Oleh Zulkefli Jais ini merupakan cetusan idea yang diangkat sebagai siri ke-7 dalam slot Pameran Hanya Satu “*Single*”. Beliau merupakan **pemenang Anugerah Utama** pertandingan **Bakat Muda Sezaman 2023**. Karya beliau yang berbentuk instalasi, memaparkan pertindihan antara aspek geografi dan sejarah bandar Teluk Intan, Perak. Ia turut dikaitkan dengan memori Zulkefli Jais sebagai anak jati bandar itu. Menariknya, instalasi berbentuk monumen ini dihasilkan daripada gantungan jaket (vest), sebagai lambang kepada Menara Condong yang merupakan mercu tanda Teluk Intan. Selain itu, gabungan jaket ini mewakili perasaan dan ingatan terhadap bencana menimpa pelarian yang berlindung di bandar berkenaan juga menjadi ingatan bahawa setiap sejarah pasti akan berulang.

Zulkefli Jais juga bakal mewakili Malaysia ke **Gwangju Biennale 2024** di Korea Selatan. Pemilihan beliau ke acara seni visual kontemporari Asia itu mampu mengangkat seni kontemporari Malaysia menerusi kepelbagaian perspektif serta pendekatan sejarah yang mencerminkan keunikan seni di Malaysia.

Oleh yang demikian, orang ramai dijemput untuk melawat **Pameran Hanya Satu “Single” “Project Temporary Marking” Oleh Zulkefli Jais** yang dilanjutkan sehingga **29 Julai 2024** di Balai Seni Negara. Masuk adalah percuma.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
28 MEI 2024**